

24  
6/1/19

# Shisha lebih bahaya daripada rokok

➔ Pakar bukti penghisap terdedah risiko gemuk, diabetes jenis dua

✦ London

**T**abiat menghisap shisha banyak meningkatkan risiko penyakit kencing manis dan obesiti dan ia ditakrif lebih teruk berbanding menghisap sekotak rokok.

Mereka yang menghisap asap manis shisha lebih cenderung menjadi gemuk dan mempunyai diabetes jenis dua berbanding mereka yang tidak melakukannya.

Kajian itu juga mendapati tabiat merokok tidak mempunyai kaitan dengan obesiti, sindrom metabo-

Fakta nombor

9,840

PESERTA

terbabit dalam kajian pakar ke atas pelbagai jenis rokok

[ FOTO HIASAN ]



Mereka yang hisap shisha ada risiko jadi gemuk.

lik, dislipidemia (lemak berlebihan dalam darah) atau diabetes.

Pakar di Fakulti Perubatan Brighton dan Sussex memberi amaran, kesan negatif shisha sama atau lebih teruk berbanding sekotak rokok.

## Siasat sejarah merokok

Shisha adalah aktiviti riadah dari Asia Barat, ia sering dianggap sebagai alternatif lebih sihat kepada merokok. Namun, walaupun shisha tidak mengandungi bahan penyebab kanser dalam rokok, semakin banyak bukti menunjukkan ia tidak selamat.

Kajian itu membabitkan 9,840 peserta termasuk pelbagai jenis perokok, mereka yang tidak merokok, bekas perokok, perokok dan penghisap shisha.

Peserta dari Iran menjawab soalan untuk menyiasat sejarah merokok, faktor risiko kardiovaskular, masalah keresahan dan tekanan perasaan.

AGENSI